

15/05/1997

Mohd Zin amal kesederhanaan

Razali Zakaria

DATUK Seri Mohd Zin Abdul Ghani, yang menghembuskan nafas terakhir di Hospital Tawakkal, Kuala Lumpur jam 4.05 petang semalam, akan terus diingati khususnya oleh rakyat Melaka sebagai pemimpin serba sederhana.

Walaupun tempohnya menerajui pentadbiran Melaka dianggap singkat iaitu hanya hampir tiga tahun, kemampuannya mengekalkan kestabilan politik dan memacu ekonomi negeri Hang Tuah itu, akan terus dikenang.

Kesederhanaan Allahyarham jelas ditunjukkan dalam sidang akhbar pertama selepas mengambil alih tugas sebagai Ketua Menteri Melaka ketujuh daripada Tan Sri Rahim Tamby Chik, pada 14 Oktober 1994:

"Tugas dan tanggungjawab di hadapan saya memang berat, tetapi saya yakin dengan sokongan dan kerjasama semua pihak, amanah yang diletakkan itu akan dapat dilaksanakan sebaik mungkin."

Janji Allahyarham itu ternyata, bukan saja mampu ditunaikan, malah pembangunan Melaka semakin pesat dalam tempoh pentadbirannya yang dianggap singkat itu.

Sebelum itu, tiada siapa menyangka anak kelahiran Kampung Melekek Luar, Alor Gajah pada 12 Oktober 1941 ini akan menjadi Ketua Menteri.

Anak bongsu daripada lima beradik keluarga penoreh getah ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Alor Melekek pada 1947 hingga 1957 sebelum melanjutkan pelajaran di Sekolah Pelajaran Lanjutan dan lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 1965.

Dua tahun selepas menjadi pendidik di sebuah sekolah rendah, Allahyarham seperti kebanyakan guru di negara ini, turut menceburi politik sebagai ahli Umno cawangan Melekek, Alor Gajah pada 1959.

Kebolehannya sebagai pemimpin dan pentadbir mula mendapat perhatian apabila Allahyarham menjadi guru besar Sekolah Kebangsaan Ayer Pa'abas, Melaka, pada 1963. Kedudukannya sebagai guru besar memudahkannya mengetuai Umno cawangan Melekek pada 1972.

Pada 1980, Mohd Zin dipilih menerajui Pemuda Umno Bahagian Alor Gajah sebelum menjadi Naib Pengerusi Umno bahagian itu pada 1984 dan Timbalan Pengerusi sehingga 1986.

Kerana kepemimpinan dan perjuangan serta pengalamannya yang luas, Allahyarham dipilih bertanding dalam pilihan raya umum 1985 mewakili Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Kelemak.

Kepercayaan itu menyebabkan semangat perjuangan beliau berkobar-kobar dan memenangi pilihan raya itu dengan majoriti 4,592 mengalahkan calon Pas. Berikutan kemenangan itu, Allahyarham dilantik sebagai Ketua Penerangan Umno Negeri pada 1986 dan kekal sehingga dipilih menggantikan Rahim dan menjadi Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri.

Pada 1986 juga Allahyarham dilantik sebagai seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco). Ketika Umno dilanda krisis pada 1987, Allahyarham adalah antara pemimpin lama yang kekal dan berjuang supaya Umno Melaka tidak berpecah dua. Pada pilihan raya umum 1990, Allahyarham sekali lagi dipilih mewakili DUN Kelemak dan menang dengan majoriti 258 undi mengalahkan calon Pas.

Ekoran peletakan jawatan Rahim mulai 21 September 1994, Allahyarham sebagai pemimpin Umno paling kanan di Melaka, dilantik oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memangku jawatan itu sebelum disahkan sebagai Ketua Menteri pada 14 Oktober 1994.

Dalam pilihan raya umum 1995, Allahyarham bukan saja menang di kerusi DUN Melekek, malah berjaya mengetuai Barisan Nasional (BN) Melaka mencatat

keputusan cemerlang.

Sebagai Ketua Menteri, Allahyarham bertanggungjawab membawa perubahan kepada negeri dan rakyat Melaka. Beberapa usaha dilakukan, termasuk melaksanakan pelbagai projek besar bagi menarik pelabur asing ke negeri itu, sekali gus memberi manfaat kepada penduduknya.

Dalam tempoh menerajui Melaka, Allahyarham berjaya membawa negeri itu melompat daripada sasaran pelaburan tahunan sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) iaitu sebanyak RM1.5 bilion setahun.

Walaupun Melaka lebih dikenali sebagai negeri industri dan pelancongan, Allahyarham tidak melupakan rakyat miskin. Antara usaha yang dilakukan ialah mengubah pendirian 20,000 keluarga tani dengan menggalakkan mereka menyertai bidang pemprosesan makanan ringan, tanaman hiasan dan agrotourism bagi mewujudkan rangkaian antara sektor perindustrian, pertanian dan pelancongan.

Kesederhanaannya bukan bermakna lemah. Ketegasan itu jelas apabila beliau memberi amaran kepada syarikat swasta di Melaka kerana sepanjang 1996 begitu banyak menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) projek pembangunan dengan kerajaan negeri atau agensinya.

Selaku Ketua Menteri, Allahyarham turut mempengerusikan beberapa anak syarikat kerajaan negeri seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM), Perbadanan Air Melaka, Yayasan Melaka, Majlis Bandaraya Melaka dan Majlis Islam Melaka.

Beliau juga bergiat dalam aktiviti sukarela dengan menerajui Majlis Pengakap Melaka sejak 1989 dan Presiden Persatuan Bola Sepak Melaka (Mafa).

Allahyarham meninggalkan isteri, Datin Fatimah Samdin dan 11 anak, Rafidi, Shilaziah, Zulkifle, Noorazhan, Zamani, Halimatun, Azura, Shahrul Azam, Khairul Anuar, Faradina dan Mohd Faizal.

Semoga Allah mencucuhi rahmat-Nya ke atas roh Allahyarham. Al-Fatihah.

(END)